



**SETIAUSAHA**  
Secretary  
**SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM MALAYSIA**  
Public Services Commission Malaysia  
**ARAS 10, BLOK C7, KOMPLEKS C,**  
**PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN**  
**62520 PUTRAJAYA.**



Telefon : 03-8885 6000  
Fax : 03-8888 5034  
Web : <http://www.spa.gov.my>

Ruj. Kami: SPA(KT)217/3069 Jld.3 (11a)  
Tarikh: 5 Mei 2017

Semua Ketua Setiausaha Kementerian  
Semua Ketua Jabatan Persekutuan  
YB Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka  
YB Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang  
YB Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan  
YB Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis

YBhg. Tan Sri/ Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan,

**PENENTUAN GAJI PERMULAAN YANG LEBIH TINGGI UNTUK KALI  
PERTAMA KEPADA PEGAWAI LANTIKAN TETAP YANG MEMPUNYAI  
PENGALAMAN DI SEKTOR AWAM**

Dengan segala hormatnya saya ingin menarik perhatian YBhg. Tan Sri/ Datuk/  
Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan kepada perkara di atas.

2. Penentuan gaji permulaan untuk kali pertama kepada pegawai lantikan tetap yang mempunyai pengalaman *Contract Of Service (COS)* atau *Contract For Service (CFS)* di sektor awam (termasuk Pihak Berkuasa Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan) yang berkaitan dengan jawatan yang disandangnya adalah dilaksanakan mengikut Peraturan 25(2), Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) 2012.

3. Permohonan penentuan gaji tersebut hendaklah dikemukakan kepada Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia dengan mengemukakan dokumen-dokumen berikut:-

Pegawai:

- (a) surat permohonan;
- (b) salinan surat tawaran pelantikan tetap;

“PERKHIDMATAN AWAM UNTUK SEMUA”



- (c) surat pengesahan jawatan dan butir-butir perkhidmatan daripada Ketua Jabatan terdahulu;
- (d) senarai tugas jawatan kontrak di sektor awam dengan menggunakan surat rasmi Jabatan terdahulu;
- (e) salinan Lesen Memandu (bagi jawatan pemandu);
- (f) salinan sijil/ diploma/ ijazah dan Sijil Perakuan Berdaftar Penuh dengan Lembaga berkaitan (yang berkenaan sahaja);
- (g) salinan Laporan Penilaian Prestasi Tahunan (LNPT) yang mencapai markah prestasi 85% dan ke atas bagi satu tahun yang terakhir di jawatan COS;
- (h) salinan Buku Perkhidmatan Kerajaan (jawatan COS); dan
- (i) salinan surat tawaran pelantikan CFS bagi setiap kali penyambungan perkhidmatan.

Ketua Jabatan:

- (a) surat iringan daripada Kementerian/ Jabatan;
- (b) salinan Buku Perkhidmatan Kerajaan (jawatan tetap) yang dikemas kini selaras dengan peraturan yang berkuat kuasa;
- (c) senarai tugas jawatan sekarang dengan menggunakan surat rasmi Jabatan; dan
- (d) surat pengiktirafan Ketua Jabatan yang mengesahkan bahawa pengalaman terdahulu adalah bersesuaian dengan jawatan terkini.

4. Dalam memastikan bahawa pengalaman berkaitan yang dimiliki oleh pegawai memberi manfaat dalam perkhidmatan awam, Suruhanjaya melalui Mesyuarat Khas SPA Bilangan 1/2017 pada 13 Mac 2017 telah bersetuju menetapkan bahawa pegawai yang memohon permohonan tersebut hendaklah memenuhi syarat-syarat tambahan seperti berikut:

- (a) telah berkhidmat tidak kurang dari tempoh satu (1) tahun yang boleh dimasukkan kira dalam jawatan lantikan tetap;
- (b) markah LNPT tahun terkini (jawatan lantikan tetap) adalah 85% dan ke atas;
- (c) pengesahan secara bertulis oleh Ketua Jabatan (semasa lantikan CFS) tentang prestasi kerja pegawai; dan
- (d) permohonan akan dipertimbangkan dalam **tempoh maksimum percubaan asal mengikut skim perkhidmatan yang berkuat kuasa.**

5. Sekiranya pihak YBhg. Tan Sri/ Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan mempunyai sebarang pertanyaan lanjut mengenai perkara ini boleh berhubung dengan pegawai-pegawai berikut :

<u>Nama</u>	<u>No. Telefon</u>	<u>e-Mel</u>
(a) Puan Norliza binti Abdul Aziz	03-8880 6488	norliza@spa.gov.my
(b) Puan Nurul Azreen binti Mohd Rais	03-8885 6233	nurulazreen@spa.gov.my
(c) Puan Siti Ardiana binti Mohd Arifin	03-8885 6226	ardiana@spa.gov.my

6. Surat edaran ini berkuat kuasa mulai **1 Jun 2017**.

Sekian, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**  
**“BERSAMA MENGGALAS TRANSFORMASI”**

Saya yang menurut perintah,



**(DATO' ZAINAL ABIDIN BIN AHMAD)**